

# MUDA dakwa meritokrasi tak bunuh bangsa Melayu

**Kuala Lumpur:** Parti Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA) menegaskan meritokrasi tidak akan 'membunuh' bangsa Melayu, sebaliknya membina lebih ketahanan kepada generasi baharu.

Presiden MUDA, Syed Saddiq Syed Abd Rahman, berkata generasi muda pelbagai kaum dalam partinya akan membuktikan kenyataan Tun Dr Mahathir Mohamad sebelum ini adalah salah.

Katanya, daripada mencari perbezaan dengan membandingkan warna kulit, agama dan bangsa, sepatutnya setiap orang fokus untuk menyatukan negara.

"Pemimpin generasi baharu dalam MUDA akan menerima dan meraikan kepelbagaian kaum serta meritokrasi di negara ini kerana kehidupan kita saling berkaitan.

"Setiap orang berasakan ini tanah air mereka, jadi, masa depan negara terletak pada tangan kita.

"Cukup-cukuplah politik dengan sentimen perkauman kerana negara banyak kehilangan potensi pelaburan apabila kita saling bergaduh sesama sendiri daripada berusaha membangunkan negara.

"MUDA akan buktikan Dr Mahathir salah menerusi tindakan dan prinsip kami," katanya pada sidang media di ibu pejabat MUDA, di sini, semalam.

Sebelum ini, Dr Mahathir mengeluarkan kenyataan bahawa mewujudkan masyarakat berbilang kaum sebagai bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Kenyataan Dr Mahathir itu disifatkan membawa naratif baharu yang sangat bersifat perkauman dan tafsiran semberono kepada peruntukan Perlembagaan.

Sementara itu, Setiausaha Agung MUDA, Amir Hadi, berkata Dr Mahathir adalah simbol politik lama dan cara beliau perlu dihentikan dengan memberi ruang kepada generasi baharu.

Katanya, orang muda sudah muak dengan politik lama kerana mesej disampaikan tidak konsisten.

"Masa berlawan, semua dikeluarkan, tetapi ketika bersama, semuanya boleh.

"Kita kena ingat bagaimana benci sekali pun kepada kaum lain, mereka tetap berada di negara ini dan satu-satunya cara untuk maju ialah bekerja bersama-sama," katanya sambil menjelaskan inilah prinsip dibawa MUDA.